

**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 71/8/17**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai
dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**

**MEKANIK KENDERAAN (E.2-3 EB.4)
PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
KEMENTERIAN KEWANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kermasian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian V

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang ‘Apply’;



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan)

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf



SIJIL KELULUSAN atau PENGESAHAN JABATAN PEPERIKSAAN
sebagaimana yang dikehendaki oleh Skim Iklan.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	PCE.pdf
	2016	2016	25/8/2016	UGAMA.pdf
	2016	2016	25/8/2016	PMB.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Sijil Berhenti Sekolah.pdf



Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.



Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan “Current Government Employee”/“Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam”. Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).



My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee



Current Government Employee



	Start Date	To Date	Name And Address of Employer	
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	

Current Appointment

Starting Date

01/02/2012

Ministry


Prime Minister's Office

Department

PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

Job Title

KERANI



1. MEKANIK KENDERAAN

PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

KEMENTERIAN KEWANGAN

E.2-3 EB.4 (\$590 - \$875 SEBULAN)

KEKOSONGAN = EMPAT (04)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC *National Trade Certificate Grade 3 (NTC3)* / BDTVEC *National Vocational Certificate (NVC)* atau sebanding dalam bidang *Motor Vehicle Mechanics*.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji F.3 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji F.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam bidang berkaitan dengan kerja mekanik membaiki kenderaan dalam tanggagaji F.3 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji F.1 tidak kurang dari 6 tahun.

2. Mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah (tidak mansuh). Mempunyai lesen memandu kelas 5 yang sah (tidak mansuh) adalah kelebihan.
3. Berkebolehan untuk membuat laporan kerosakan dan mendapatkan alat ganti.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB MEKANIK KENDERAAN:

1. Melaporkan diri kepada Mekanik Tingkat Khas dalam hal-hal kerja penyelenggaraan dan pemeliharaan ke atas kesemua jenis kenderaan serta peralatan jentera yang di bawah kawalan Bahagian Kenderaan, Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



2. Bertanggungjawab dengan mengutamakan aspek *Health* dan *Safety* dalam apa jua hal yang berhubungkait dengan bidang tugas serta persekitaran tempat kerja.
3. Bertanggungjawab dalam memelihara serta mengurus semua jenis peralatan keperluan yang disediakan dalam keadaan mencukupi, baik dan selamat untuk digunakan.
4. Bertanggungjawab dalam menjaga dan menentukan keselamatan semua jenis kenderaan ataupun peralatan jentera yang masuk ke bengkel bagi proses pembaikan ataupun sebagainya.
5. Bertanggungjawab dalam menentukan keselamatan penyimpanan apa jua jenis alatganti yang dikeluarkan daripada stor GSE jika sekiranya alatganti tersebut belum digunakan ataupun dipasang kepada kenderaan ataupun peralatan jentera.